



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Oktober 2024
20 Rabiulakhir 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Pulihara ekosistem• Sungai Balah mampu jadi lubuk ikan kelah
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">• Sejuta benih pelbagai ikan dan udang galah dilepaskan ke Sungai Linggi sehingga September
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL	22	23.10.2024	



Suhu air sungai Balah dikatakan sesuai untuk penternakan ikan kelah.

Sungai Balah mampu jadi lubuk ikan kelah

Suhu air, kawasan berbatu ciri penting penternakan spesies berkenaan

Oleh ASWANY OMAR JELI

Penduduk di Pangkalan Pati, Kampung Kuala Balah di sini berharap ada pihak yang mahu membangunkan kawasan sungai berkenaan sebagai lokasi pelancongan terutama kaki pancing. Ia berikutan Sungai Balah antara lokasi ikan kelah bertelur pada musimnya kerana suhu air bersesuaian dan beberapa ciri lain.

Penasihat II Persatuan Komuniti Ekopelancongan Kuala Balah (KEKB), Abdul Wahid Mat Piah berkata, berdasarkan pengalamannya dalam bidang pelancongan, bentuk muka bumi dan batuan di sungai sesuai untuk penternakan ikan kelah.

"Suhu air Sungai Balah dan kawasan berbatu menjadi ciri penting untuk pembiakan ikan kelah, sekali gus boleh diangkat sebagai lokasi baharu aktiviti memancing di negara ini.

"Ada yang mendakwa air sungai ini merupakan aliran dari sungai di hujung hulu sempadan Perak dan kekal bersih serta segar," katanya.



Penduduk meninjau keadaan sungai Balah yang sesuai dijadikan lubuk ikan kelah di Pangkalan Pati, Kampung Kuala Balah, Jeli.



Abdul Wahid berkata, kawasan sungai yang terletak hanya dua kilometer dari laluan utama tidak tercemar dan sangat indah dengan airnya yang jernih serta dilindungi tumbuhan hijau.

Beliau yang juga aktivis alam sekitar berharap Pangkalan Pati dan sekitar sungai itu boleh digazetkan sebagai lokasi pelancongan dengan pelbagai kemudahan bagi memudahkan orang ramai berkhemah serta melakukan aktiviti riadah.

Jelasnya, sepanjang laluan ke Pangkalan Pati terdapat banyak kebun buah-buahan yang mungkin boleh membantu menambah pendapatan penduduk.

"Mereka mungkin boleh mengaplikasikan konsep 'bayar dan makan

semahunya' kepada pelancong yang datang sambil menikmati keindahan alam," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Kuala Balah, Mohd Nor Salleh berkata, sungai itu pernah menjadi dataran askar Jepun bersembunyi pada 1946 hingga 1948.

"Penduduk terdahulu mendakwa kawasan ini merupakan lokasi askar Jepun berehat ketika peperangan di Tanah Melayu sebelum penduduk sekitar menjadikannya sebagai laluan perhubungan utama," katanya.

Menurutnya, fungsi sungai itu juga penting sebagai tempat rehat pemilik kebun dari beberapa kampung termasuk Kampung Gading, Mulong dan Kampung Padah.

"Kami mengalu-alukan jika ada pihak mahu memperkenalkan kawasan ini kepada pengunjung, namun paling utama ialah mengutamakan kebersihan," katanya.



ABDUL WAHID



PULIHARA EKOSISTEM... Anggota Jabatan Perikanan Negeri Sembilan bersama nelayan tempatan melepaskan benih udang galah di lokasi terpilih di Sungai Linggi berhampiran Pengkalan Kempas, Port Dickson.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinaharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari

SEJUTA BENIH PELBAGAI IKAN DAN UDANG GALAH DILEPASKAN KE SUNGAI LINGGI SEHINGGA SEPTEMBER



PORT DICKSON, 22 Okt (Bernama) -- Jabatan Perikanan Negeri Sembilan melepaskan sejuta benih pelbagai spesies hidupan air di 26 perairan umum negeri ini, dengan nilai keseluruhan mencapai RM160,900 hingga bulan September tahun ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe berkata 50 peratus daripada benih yang dilepaskan adalah udang galah, manakala selebihnya terdiri daripada pelbagai spesies ikan air tawar.

"Kita menyasarkan untuk melepaskan sebanyak 1.2 juta benih pelbagai spesies di 16 lokasi baharu yang telah dikenal pasti menjelang akhir tahun ini. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan stok ikan dan udang galah di kawasan tersebut," katanya kepada pemberita di program pelepasan benih udang galah ke Sungai Linggi hari ini.

Dalam program tersebut, sebanyak 150,000 ekor benih udang galah telah dilepaskan ke Sungai Linggi, sebagai sebahagian daripada Program Inventori Perikanan Darat yang berlangsung selama dua hari.

Kasim menekankan bahawa pertambahan stok ikan dan udang galah di perairan umum merupakan program tahunan jabatan untuk memastikan kesinambungan kewujudan stok ikan sentiasa terpelihara.

Dalam pada itu Kasim berkata, mengikut rekod pelepasan benih udang galah dan ikan oleh pihaknya ke Sungai Linggi dari tahun 2021 hingga 2024, sejumlah 348,600 ekor benih telah dilepaskan, dengan nilai melebihi RM14,000.

Pada tahun ini sahaja, sebanyak 57,600 ekor benih udang galah telah dilepaskan ke Sungai Linggi, yang dikenali sebagai lokasi popular di kalangan pemancing rekreasi dan nelayan tempatan. Langkah ini diambil untuk meningkatkan lagi stok hidupan air dan menyokong ekosistem perairan di kawasan tersebut.

"Saya juga ingin mengingatkan orang awam yang memiliki ikan asing sebagai ikan peliharaan agar lebih bertanggungjawab dan tidak melepaskan ikan tersebut ke perairan umum. Tindakan ini akan menyebabkan ikan-ikan asli sedia ada di perairan tersebut menjadi mangsa kepada ikan asing yang bersifat lebih agresif," katanya.

Menurutnya kaedah menangkap ikan seperti menuba (meracun ikan), mengebom (menggunakan bahan letupan), mengaran (merenjat dengan arus elektrik) dan memamah ikan adalah dilarang. Eksploitasi penangkapan ikan tidak bertanggungjawab ini adalah dilarang di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) 1976.